

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN TENIS ASIA/OCEANIA INVACARE PASUKAN
PIALA DUNIA KELAYAKAN PARALIMPIK 2000
Lokasi : KOMPLEKS TENIS NEGARA (STADIUM TERTUTUP), KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-02-2000

Syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini di upacara majlis Perasmian Kejohanan Tenis Asia/Oceania Invacare Pasukan Piala Dunia Kelayakan Paralimpik 2000.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli Jawatan Kuasa Penganjur Kejohanan Tenis Berkerusi Roda Acara Invacare Kelayakan Piala Dunia di Kuala Lumpur pada tahun 2000 ini kerana telah diberi penghormatan dari Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) bagi menganjurkan kejohanan yang tersebut di atas buat kali kedua pada tahun 2000 ini.

3. Sukan Paralimpik ini telah berkembang dengan begitu pantas sekali bukan sahaja kerana usaha dan prihatin pihak penganjur di dalam kejohanan ini malahan para atlit-atlit paralimpik juga telah menunjukkan minat dan komitmen mereka yang mana pada tahun ini menunjukkan penyertaan atlit-atlit dari dalam dan luar negara semakin bertambah.

4. Penganjuran yang dibuat oleh "Wheelchair Tennis Malaysia" (WTM) adalah sangat bermakna bagi atlit-atlit ini di mana mereka juga mampu memikul tanggungjawab negara jika diberikan peluang dan sokongan dan mereka juga tidak akan terasa tersisih dari masyarakat umum. Kita percaya mereka juga mempunyai kebolehan yang istimewa dalam bidang-bidang sukan tertentu.

5. Saya yakin dan percaya kepada kebolehan rakyat Malaysia untuk mencapai matlamat sukan paralimpik selaras dengan semangat "Malaysia Boleh!". Pada hari ini kita dapat saksikan beberapa peringkat acara sukan paralimpik telah diketengahkan bagi menyahut seruan negara untuk menghadapi persaingan sukan paralimpik di Sydney Australia pada bulan Oktober 2000 ini. Berbagai- berbagai langkah di peringkat negeri dan pusat telah di ambil untuk memajukan sukan paralimpik supaya negara dapat mencapai kejayaan di peringkat negara dan antarabangsa.

6. Matlamat ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, penganjur, penaja dan peserta-peserta dan juga semua pihak yang terlibat. Adalah diharapkan semua agensi yang terlibat dapat memberi kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam usaha negara mencapai matlamat ini.

7. Saya berasa bangga dengan peserta-peserta dari dalam dan luar negara di atas penglibatan mereka dalam sukan paralimpik ini dan mendoakan agar mereka berjaya dalam Kejohanan pada kali ini. Juga kepada Persatuan WTM dan Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Paralimpik dan berbagai agensi Kerajaan yang lain yang telah bekerja keras untuk mencapai matlamat ini, saya ucapkan ribuan terima kasih dan semoga anda sekalian akan teruskan usaha bakti ini di masa-masa akan datang.

8. To the foreign participants, I would like to wish you all a very warm "Selamat Datang" or "Welcome" to Malaysia. I hope that you will take some time off after this championship event to see a little bit of this beautiful country and its friendly people and to savour its many culinary delights. I hope too that you will bring back sweet memories of Malaysia when you return to your respective countries.
